



**DRAF TEKS UCAPAN
YB. DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM KERJASAMA JABATAN PERHILITAN - AEON
KEMPEN “SELAMATKAN HARIMAU MALAYA” 2019 - 2020**

AEON TAIPING, PERAK

6 JULAI 2019

Terima kasih pengacara majlis

**YANG BERTHORMAT MULIA TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA
PUJI,**

Timbalan Menteri,
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERTHORMAT DR. ABDUL AZIZ BIN BARI,

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Teknologi, Sains dan Alam Sekitar
Negeri Perak;

YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH

Ketua Setiausaha,
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS);

YANG BERUSAHA DR. MOHD MOKHTAR BIN TAHAR,

Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli),
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL KADIR ABU HASHIM,

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara,
Semenanjung Malaysia (PERHILITAN);

ENCIK SHINOBU WAHIZAWA,

Pengarah Urusan AEON Company (M) Bhd.;

ENCIK POH YING LOO,
Pengarah Eksekutif AEON Company (M) Bhd.;

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DAN AGENSI
KERAJAAN NEGERI PERAK**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan PERHILITAN dan AEON kerana menjemput saya hadir untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya menyempurnakan **Majlis Program Kerjasama Jabatan PERHILITAN - AEON Bagi Kempen “Selamatkan Harimau Malaya” 2019 - 2020** pada petang ini.

2. Negeri Perak merupakan salah satu habitat utama bagi Harimau Malaya iaitu di Kompleks Hutan Belum-Temenggor. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia sedang melaksanakan *National Tiger Survey* (NTS) di seluruh kompleks hutan di Semenanjung Malaysia termasuk di negeri Perak bagi mengenal pasti status populasi terkini Harimau Malaya. Hasil daripada 80% daripada survey yang telah dilakukan, **dianggarkan terdapat kurang daripada 200 ekor Harimau Malaya di Semenanjung Malaysia.**

3. Bilangan penurunan populasi Harimau Malaya ini amat membimbangkan dan ancaman utama ialah pemburu haram yang menceroboh masuk ke hutan-hutan simpan serta Taman Negara kita. Pemburu haram ini memasang jerat untuk memburu hidupan liar terutamanya Harimau Malaya.

4. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian menerusi Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama Kerajaan Negeri, agensi-agensi penguatkuasaan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melindungi Harimau Malaya. Lebih daripada 1,000 operasi jerat telah dilaksanakan bagi membanteras jenayah hidupan liar dari tahun 2013 hingga 2018. Hasilnya, lebih daripada 3,500 jerat telah dimusnahkan dalam operasi tersebut dan seramai 162 penceroboh telah ditangkap di atas pelbagai kesalahan melibatkan kes jenayah hidupan liar. Namun demikian, di sepanjang tempoh ini juga, sebanyak 14 ekor harimau telah dijerat dan diburu secara haram.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Harimau Malaya merupakan spesies ikonik Negara Malaysia. Simbol-simbol rasmi Negara seperti Jata Negara atau logo agensi kerajaan turut menggunakan harimau sebagai ikon. Kini Harimau Malaya memerlukan bantuan kita untuk memastikan generasinya tidak pupus. Justeru itu, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dan drastik dengan mewujudkan **Kempen “Selamatkan Harimau Malaya” yang dinaungi oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd Ali, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia.**

6. Melalui kempen ini, pelbagai inisiatif dan strategi telah dirangka bagi melindungi Harimau Malaya dan juga habitatnya. Jabatan PERHILITAN telah dan sedang melaksanakan operasi penguatkuasaan dan rondaan sepenuh masa di kawasan *hotspot* melalui **OPS Belang**. Sehingga kini, **sebanyak 10 siri Ops Belang telah dijalankan dan seramai 12 penjenayah hidupan liar telah berjaya ditangkap serta lebih daripada 300 jerat telah dimusnahkan.** Kementerian juga akan melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan seperti

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi membantu melindungi Harimau Malaya dan habitatnya daripada perlakuan jenayah hidupan liar di Semenanjung Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Kempen ini juga memberi penekanan kepada program kesedaran awam dan pendidikan. Ini bertujuan untuk memupuk semangat cintakan hidupan liar dan menghargai khazanah alam daripada mengalami kepupusan yang drastik. Semua ini memerlukan sokongan dan usaha daripada semua pihak. Sehubungan itu, melalui Kempen “Selamatkan Harimau Malaya”, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta digalakkan untuk bersama-sama Kerajaan bagi melindungi Harimau Malaya.

8. Di sini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada AEON Company (M) Bhd. kerana menjadi syarikat swasta yang terawal untuk tampil ke hadapan dan sudi untuk bekerjasama dengan Kementerian dan Jabatan PERHILITAN dalam melaksanakan Kempen “Selamatkan Harimau Malaya” ini.

9. Pihak AEON merupakan rakan kerjasama dalam melaksanakan program kesedaran awam Kempen “Selamatkan Harimau Malaya”. **Kerjasama ini adalah melalui pelaksanaan Pameran Kesedaran Awam di premis AEON terpilih di Semenanjung Malaysia termasuklah di AEON Taiping ini. AEON juga akan menjalankan program CSR berkaitan kempen seperti aktiviti penanaman pokok dan pelaksanaan publisiti serta promosi berkaitan dengan konservasi Harimau Malaya.**

10. AEON sebelum ini juga telah bekerjasama dengan Kementerian melalui Jabatan PERHILITAN dalam program penanaman lebih daripada 60,000 pokok di kawasan seluas 26 hektar Paya Indah Wetland, Dengkil, Selangor. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada pihak AEON Company (M) Bhd. di atas komitmen dan kerjasama berterusan selama ini. **Tepukan gemuruh untuk AEON!**

11. Semoga dengan terjalannya kerjasama ini, lebih ramai pihak akan tampil ke hadapan untuk bersama-sama membantu memulihara Harimau Malaya daripada kepupusan.

12. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak yang sentiasa komited dalam memulihara secara lestari Hutan Simpan dan Taman Negeri yang menjadi habitat utama Harimau Malaya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Kementerian sekali lagi ingin menjemput seluruh rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa untuk bersama-sama memberikan sumbangan dalam usaha memulihara Harimau Malaya kita yang semakin diancam kepupusan. Melalui penyatuan pelbagai pihak dalam usaha menyelamatkan Harimau Malaya ini, diharapkan Malaysia akan terus kekal sebagai salah satu negara yang kaya dengan pelbagai sumber biodiversiti di dunia. Marilah kita bersama pastikan Harimau Malaya tidak pupus dan simbol harimau pada Jata Negara kita kekal relevan selama-lamanya.

14. **Akhir kata, dengan rasa penuh takzim dan hormatnya, dengan ini saya merasmikan Program Kerjasama PERHILITAN - AEON bagi Kempen “Selamatkan Harimau Malaya”.**

Ayuh bersama kita Selamatkan Harimau Malaya kita (*Save Our Malayan Tiger*)!

Sekian, terima kasih.